



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**  
Aras 11  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4334  
Faks: +603-2083 4114  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)  
Email : [ceo@skm.gov.my](mailto:ceo@skm.gov.my)

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM) : 7964 SJ.5 JLD. 3 (6)  
Tarikh : 12 Disember 2023

Surat ini dikelilingkan kepada—

Semua Koperasi

Tuan,

**ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN  
2 TAHUN 2023 – ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN  
WANG RIZAB STATUTORI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam menyokong pembangunan gerakan koperasi yang berterusan dan keprihatinan Suruhanjaya dalam membantu aliran tunai koperasi yang lebih positif, Suruhanjaya mengeluarkan **ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2023 – ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI** tidak kurang daripada **tiga belas peratus (13%)** daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir **31 Disember 2023 sehingga 30 November 2025** untuk tindakan sewajarnya oleh semua koperasi.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(RUSLI BIN JAAFAR)

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

### **ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2023**

#### **ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI**

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah subseksyen 57(1A) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], saya, **RUSLI BIN JAAFAR**, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) **tidak kurang daripada tiga belas peratus (13%)** daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir **31 Disember 2023 sehingga 30 November 2025**. Arahan ini tidak terpakai kepada mana-mana koperasi yang amaun KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran.

Arahan penguatkuasaan pemindahan KWRS yang **tidak kurang daripada lima belas peratus (15%)** daripada untung bersih teraudit **akan dikuatkuasakan semula mulai tahun kewangan 31 Disember 2025**.

Bertarikh : 12 Disember 2023

No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 Jilid 3 (6)



(RUSLI BIN JAAFAR)  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia